

## Kualiti Pendidikan Berteraskan Kemahiran

Oleh Md. Adam

**K**eputusan Kementerian Pelajaran Malaysia menaik taraf Sekolah Menengah Vokasional kepada Kolej Vokasional (KV) berjaya mengubah persepsi umum mengenai kualiti pendidikan berteraskan kemahiran. Pendidikan aliran kemahiran kini dilihat sebagai pilihan terbaik dan pelajar bidang itu mempunyai masa hadapan lebih cerah.

Perubahan persepsi itu juga melenyapkan andaian bahawa pendidikan vokasional bertaraf kelas kedua seperti sebelum ini. KV juga penting dalam usaha kerajaan melahirkan lebih banyak tenaga profesional dalam bidang kemahiran sejajar matlamat Wawasan 2020.

Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) Kementerian Pelajaran, Ahmad Tajudin Jab, menjelaskan bahawa permohonan untuk ke Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan KV pada tahun ini begitu membanggakan.

Jumlah permohonan meningkat dengan begitu ketara. Buktinya, bagi sesi persekolahan bermula Februari 2013, sebanyak 117 500 permohonan diterima berbanding dengan 70 000 permohonan tahun 2012 walaupun hanya kira-kira 20 000 tempat disediakan.

Sambutan membanggakan itu mencerminkan keyakinan pelajar atas dorongan ibu bapa untuk memilih aliran vokasional selepas menamatkan aliran akademik peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Peningkatan jumlah permohonan membuktikan bahawa minda ibu bapa kini lebih terbuka dan tidak terhad kepada pendidikan berasaskan akademik semata-mata. Mereka memahami minat serta kesungguhan anak yang memilih program pendidikan berasaskan kemahiran. Ahmad Tajudin turut menjelaskan bahawa silibus di KV berbeza daripada sebelum ini dan mengambil kira pencapaian



**Kualiti bimbingan pendidikan berteraskan kemahiran menerusi gabungan teori dan latihan industri yang disediakan oleh KV memberikan kelebihan kepada pelajar kerana silibusnya memenuhi keperluan pasaran semasa.**

pelajar berdasarkan Purata Nilai Gred Keseluruhan (CGPA) mengikut semester.

Dalam hal ini, pelajar perlu mengikut lapan semester, iaitu bersamaan empat tahun sesi persekolahan. Sistem tersebut lebih unik kerana mereka tidak perlu mengambil peperiksaan awam seperti yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan konvensional, iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mahupun Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV).

Berdasarkan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV), selepas dua tahun belajar (peringkat pradiploma), pelajar layak menerima Sijil Kemahiran Tahap II yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia.

Sijil tersebut mendapat pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk meneruskan sesi persekolahan hingga ke peringkat diploma selama dua tahun dengan syarat mempunyai kelayakan minimum, iaitu mencapai CGPA 2.0. Tambahan empat semester tersebut melengkapkan tempoh belajar kepada empat tahun yang melayakkan pelajar menerima diploma dan Sijil Kemahiran Tahap VI.

Silibus penuh keperluan pasaran Kualiti bimbingan pendidikan berteraskan kemahiran menerusi gabungan teori dan latihan industri yang disediakan oleh KV memberikan kelebihan kepada pelajar kerana silibusnya memenuhi keperluan pasaran semasa. Gabungan kedua-dua elemen itu membolehkan diploma berkenaan mendapat pengiktirafan daripada badan antarabangsa.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, kementerian sedang berunding untuk mendapatkan pengiktirafan daripada badan nanarafan City and Guilds of London, di United Kingdom selain sebuah lagi badan pengiktirafan di Australia. Semua elemen penambahbaikan yang dimurnikan dalam sistem pendidikan vokasional akan membantu negara melahirkan lebih banyak tenaga berkemahiran pelbagai bidang untuk menyokong tenaga kerja profesional sebagai pemacu pembangunan negara.

Senario ini memberikan laluan mudah merealisasikan usaha kerajaan menjadikan Malaysia negara maju setanding Jerman, Perancis, United Kingdom, Jepun, dan Korea Selatan dengan menjadikan aliran kemahiran dan

### Senarai Pilihan kursus di Kolej Vokasional

- Bidang Ketukangan Kejuruteraan
  - Bangunan
  - Elektrik
  - Elektronik
- Amalan Bengkel Mesin
- Kimpalan dan Fabrikasi
  - Logam
  - Automatif
- Binaan Bangunan
- Persejukan dan Penyamanan Udara
- Bidang Ekonomi Rumah Tangga
  - Katering
  - Katering dan Penyediaan
  - Makanan Katering
- Rekaan Fesyen dan Membuat Pakaian
  - Seni Kecantikan
  - Asuhan Kanak-kanak
  - Bakeri dan Konfeksioneri
  - Bidang Perdagangan
    - Bidang Pertanian
    - Pertanian
    - Hortikultur Hiasan
- Bidang Kejenteraan Ladang
  - Pengurusan Ladang